

# Elak banjir kilat berulang

**JPS dan PBT  
diminta periksa  
sistem saliran di  
kawasan terjejas  
banjir**

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

BALING

**K**erajaan Kedah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membuat semakan berhubung kelancaran sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat berulang.

Exco Kerja Raya, Tenaga, Bekalan Air dan Sumber Air Kedah, Datuk Zamri Yusof berkata, tindakan itu dilakukan supaya saliran air berfungsi dengan baik.

Menurutnya, gangguan

sistem saliran berkemungkinan antara faktor berlaku limpahan air sehingga setengah kawasan mencecah ketinggian lebih satu meter.

"Kita minta semak semula saluran sungai kita dan anak sungai yang terlibat sekiranya berlaku kawasan yang tersumbat air tak sampai ke sungai itu menyebabkan banjir," katanya ketika membuat lawatan ke Pusat Pemindahan Banjir di Kompleks Sukan Batu 42 di sini semalam.

Beliau berkata, selain mengambil kira Projek Rancangan Tebatan Banjir bagi mengatasi bencana itu, pihaknya juga mengharapkan agar air yang disalurkan ke kawasan sungai dapat dialirkan dengan cara berkesan.

"Kita telah bincang dengan pimpinan masyarakat dan mendapatkan pandangan semua pihak sebagai persediaan kerana di-



Zamri (empat dari kiri) melawat mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Kompleks Sukan Batu 42, Baling semalam.

jangka taburan hujan meningkat pada November dan Disember," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan negeri juga akan mengambil langkah mengenalpasti dan memindahkan keluarga yang menetap di kawasan berpotensi banjir sebagai usa-

ha mengelakkan kerosakan harta benda pada masa akan datang.

"Lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di kawasan rizab sungai yang semanganya tak sepatutnya ada di situ, tetapi kita faham selama ini di situ lah tempat kediaman yang

mereka ada. Kita cuba cari alternatif lain sekiranya perlu," katanya.

Selain itu, beliau meminta mangsa memberi kerjasama kepada Jabatan Kesihatan yang membuat pemeriksaan tempat tinggal selepas kembali ke kediaman bagi mengelakkan

berlakunya penularan penyakit bawaan air selepas banjir.

Katanya, banjir yang berlaku tidak menjejaskan calon Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) meneruskan peperiksaan seperti dijadualkan iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Baling dan sebuah sekolah lagi di Pengkalan Hulu, Perak.

"Dua calon ini dimaklumkan hadir ke peperiksaan dengan selamat. Surat telah diberikan atas pengecualian tidak berpakaian sekolah namun kita mengharapkan mereka tidak terganggu dengan kejadian ini," katanya.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan lebih 100 penduduk di daerah Baling dipindahkan ke empat pusat pemindahan banjir selepas rumah mereka dinaiki air berikutan hujan lebat lebih tiga jam selama dua hari berturut-turut.